



ANGGOTA penyelamat dan penduduk memeriksa keadaan rumah yang musnah.



ANTARA kediaman yang musnah akibat gempa 6.1 pada skala Richter.



RAKYAT Afghanistan beratur ketika menunggu giliran menderma darah untuk mangsa terjejas di kawasan hospital di Sharan.

Angka korban akibat gempa bumi di Afghanistan meningkat kepada 1,000 orang, manakala lebih 1,500 yang lain cedera, lapor Agensi Anadolu pada Rabu.

"Lebih 1000 terbunuh dan lebih 1,500 lagi cedera di wilayah Paktika setakat

1,000 TERBUNUH

ini," kata Ketua Jabatan Penerangan dan Kebudayaan wilayah itu.

Jumlah kematian dijangka terus meningkat berikutan puluhan rakyat kini dalam keadaan kritikal dan operasi menyelamatkan diteruskan di daerah Gayan dan Barmal di wilayah itu, katanya.

Sekurang-kurangnya 29 terbunuh dan 95 lagi cedera di wilayah Khost menjadikan jumlah korban setakat ini mencecah 1,029 dan 1,595 lagi cedera.

Paktika dan Khost menjadi wilayah paling teruk terjejas dengan ratusan kediaman musnah akibat gempa bumi berukuran 6.1 pada skala Richter melanda kawasan itu pada malam Selasa.

"Banyak rumah musnah, dan ramai terperangkap di bawah runtuhan.

"Pasukan bantuan dari Kabul sudah tiba dan operasi menyelamatkan sedang dijalankan. Semua agensi yang berkaitan harus menyalurkan bantuan ke Paktika," kata jurucakap polis di Kabul, Khalid Zadran me-

nerusi ciapan di Twitter.

Pegawai Taliban meminta bantuan disegerakan di kawasan yang dilanda gempa bumi.

Video dan foto yang tular di media sosial memaparkan banyak kediaman musnah.



Pasukan bantuan dari Kabul sudah tiba dan operasi menyelamatkan sedang dijalankan. Semua agensi yang berkaitan harus menyalurkan bantuan ke Paktika"

Jurucakap polis



SEORANG warga emas menunggu bantuan kecemasan di Kampung Gayan di daerah Paktika, Afghanistan.